

SOAL AMAL DAN PAHALA

Syariat Islam memerintahkan supaya membanyakkan amal selagi kita hidup, kerana masa hidup sahajalah tempat untuk tiap-tiap kita beramal, amal orang lain untuk kita sesudah mati tidak akan sampai kepada kita . . . kecuali tiga perkara yang diterangkan oleh Nabi Muhammad (SAW): Sedekah jariah, ilmu yang berguna dan anak salih yang mendoakan kita, kerana ketiga-tiganya itu ialah hasil usaha kita semasa hidup ... kata al-Fāḍil al-Ustadh Abū Bakr al-Sha‘arī, dalam kupasannya ini – Pengarang Qalam

(Oleh: Abū Bakr al-Sha‘arī)

Allah *subhānahu wa Ta‘ālā* Yang Maha Adil telah menetapkan dalam peraturannya, bahawa tiap-tiap manusia lelaki dan perempuan dengan tidak mempedulikan darjat kedudukannya di dunia ini, diberi pahala oleh Tuhan sebanyak amalan yang telah dilakukannya selama dia hidup di dunia, dengan perkataan lain: orang yang beramal yang mendapat pahala, dan orang yang tidak beramal tidak dapat pahala, jadi ada amal ada pahala, tidak ada amal tidak ada pahala.

Sekali-sekali janganlah orang mengharap dengan tidak beramal, tidak berjuang, bahawa dia akan mendapat pahala dari amal dan perjuangan orang lain. Dalam surah *al-Najm* ayat 39-42 Allah berfirman: *Wa ‘an laisa li al-insāni illa māsa‘a. Wa ‘anna su ‘yahu saufa yurā. Thumma yujzāhu al-jazā‘u al-awfā. Wa anna ilā rabbika al-muntahā.* Ertinya: “Dan bahawa tidak ada bagi manusia itu melainkan apa yang telah dikerjakannya, dan bahawasanya kerjanya itu nanti akan dilihatkan kepadanya, kemudian dibalaskannya dengan pembalasan yang cukup, dan sebenarnya kepada Tuhanmulah tempat kembali.”

Ada pun masa untuk melaksanakan amal itu ialah selagi masih hidup di dunia, apabila seseorang sudah sampai ajalnya dan telah mati dengan meninggalkan dunia yang fana ini maka sekali-kali tidaklah dia mendapat pahala apa-apa lagi dari amalnya sendiri dan dari amal orang lain terhadap dirinya. Pendeknya buku sudah di tutup, hanya

menunggu diperhitungkan laba ruginya sahaja. Meskipun sudah begitu tegas ajaran agama Islam, bahawa hanya selagi hayat masih dikandung badan tiap-tiap kita hanya dapat beramal yang berhak pahala atasnya, akan tetapi masih ada sahaja dikalangan umat Islam yang berpendapat, bahawa dengan pertolongan karib kerabat dan kaum keluarga si mati itu dapat ditolong moga-moga supaya pahalanya lebih banyak, oleh sebab itu setelah seorang keluarganya meninggal dunia mereka beramai-ramai mengadakan makan minum, berulang-ulang menaburkan bunga di atas kubur yang mati, (merenjis-renjis air mawar di atas kubur itu), ziarah kubur yang dikatakan keramat, lihat banyak lagi beberapa kepercayaan orang-orang kita yang berasal dari luar Islam, lalu mereka menerimanya dengan tidak usul periksa adakah datangnya dari pengajaran Islam atau tidak, hanya turut buta dan taklid di atas taklid, hingga pekerjaan itu menjadi darah daging sukar ditinggalkan, yang mana pekerjaan itu amat bertentangan dengan hukum-hukum kitab Allah dan Rasul-Nya.

Cuba lihat di dalam perkembangan Islam di Semenanjung Tanah Melayu, bahawa kita dapat melihat di dalam mentera-mentera, di dalam jampi-jampi, di dalam tangkal-tangkal azimat selalu disebut nama Allah dan nama Muhammad Rasulullah.

Di dalam kehidupan orang-orang Islam setiap hari kita memerhatikan bahawa banyak benar perbuatan-perbuatan yang bukan

berasal dari kepercayaan Islam. Dan hal yang di atas ini tidaklah menghairankan kita, dan kita pun tidak pula menghairankannya, hal itu terjadi kerana agama Islam yang datang ke mari ke negeri kita bukanlah berasal dari puncanya semula, datangnya dari Arab melalui Hadramaut, melalui Parsi, India dan Malabar dan baharu sampai ke Indonesia dan Tanah Melayu kita, pada kurun yang ketiga belas, iaitu kurun yang akhir kurun yang gelap, kurun yang telah jatuh dan mundur umat Islam, kurun yang alim ulama *muta'akhirin* memfatwakan bahawa bagi umat Islam pada masa itu tidak dibenarkan ijtihad dan *itbā'* hanya diwajibkan bertaklid kepada ulama-ulama, imam-imam, dan kitab-kitab karangan ulama, sedang negeri kita Tanah Melayu dan Indonesia sendiri sebelum Islam datang, telah berkembang dengan luasnya agama Hindu dan Buddha dan masih terdapat pula kepercayaan animisme bukan? Iaitu kepercayaan kepada roh-roh yang mendiami sekalian benda, dan mempercayai hantu-hantu. Sungguh banyak nama hantu yang disebut-sebut oleh orang kita.

Agama Islam yang dibawa oleh saudagar-saudagar Parsi, Arab dan India itu disambut oleh Raja-raja dan rakyat yang beragama Hindu, Buddha dan animisme, orang-orang yang menjadi pengembang Islam itu sendiri belum mengetahui sedalam-dalamnya tentang isi dari inti sari kepercayaan Islam, apalagi mereka menyeru agama Islam sambil lalu sahaja, demikianlah Islam di tanah air kita ini sedikit banyaknya masih terbawa dengan kepercayaan Hindu, Buddha dan animisme yakni percaya kepada roh-roh dan hantu-hantu bukanlah perkara mudah hendak dikikis dan membasmiakan kepercayaan itu dengan serta merta, walau pun mereka beriman dan mengakui Islam dengan mengucap dua kalimah syahadah, tetapi adat istiadat mereka yang lalu itu masih terikut-ikut dan terbawa-bawa juga, sukar hendak

ditinggalkan apa yang dibawa oleh nenek moyang mereka.

Umpamanya di dalam upacara kematian, diketika bersalin, adat istiadat bertindik dan cukup umur bagi anak-anak perempuan, dan di dalam upacara nikah kahwin, dan sebagainya.

Umpamanya di dalam kematian, Islam tidak mengatur tentang kematian ini selain dari urusan-urusan, mentakziah keluarganya, memandikannya, mengkafkannya, menyembahyangkannya, mengiringkannya ke kubur, menanamkannya dan mendoakannya. Pun soal membuat kenduri pertama, kedua, meniaga hari, menujuh hari, mendua kali tujuh hari, mengempat puluh hari, meratus hari, bertahunnya dan seterusnya bukanlah berasal dari pengajaran Islam. Juga menaburan bunga-bunga di atas kubur dan pembinaan kubur dan membuat fidyah sembahyang, upah atau hadiah kepada orang yang mengerjakan sembahyang mayat dan mengerjakan talkin serta menghadaiah kepada orang yang mentalkinkannya, bukanlah diperintah dan berasal dari pengajaran Islam. Meminta kepada keramat baharu dan lama, meminta kepada orang yang sudah mati, kepada busut, kayu, dan batu, bukanlah berasal dari Islam. Hal-hal ini semuanya masih ada lagi sedikit sebanyak perhubungan dengan kepercayaan di dalam agama Hindu, Buddha dan animisme (roh dan hantu), yang sudah lebih dahulu tersiar dan berkembang di Tanah Semenanjung kita ini. Sedang hakikat ajaran Islam sudah pun jelas mengikut dasar-dasarnya iaitu *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah*, celakalah orang yang menokok menambah dan celakalah orang yang hendak menguranginya. Dengan perbuatan itu mereka berkeyakinan, bahawa si mati itu dapat ditolong dan ditambah pahalanya. Kalau kita mahu memikirkan agak dalam sedikit, tentu kita akan bertanya, siapakah yang akan menyampaikan pahala itu kepada orang yang telah meninggal, mungkinkah amal si anu akan diterima pahalanya

oleh Si Polan? Dan kalau sekiranya segala dosa dan kesalahan dapat ditebus dengan harta benda, dan upah dapat juga walaupun tidak bekerja, pastilah semua orang yang kaya akan masuk syurga, meskipun mereka selama hidupnya mengerjakan perbuatan maksiat, mengingkarkan segala suruhan agama, dan kafir kepada Allah, pada hal orang yang kafir ingkarkan Allah itu tak dapat dibela dan dihadiahkan pahala dari orang yang hidup. Firman Allah dalam Surah *al-Imrān* ayat 91, *inna alladhīna kafarū wamātū wa hum kuffārūn, falan yuqbalā min ahādhim mil'ū' al-arḍ dhahāban walawī iftadā bih, ūlaika lahum 'adhābun alīm wa mālahum min nāṣirīn*. Ertinya: “Bahawasanya orang-orang yang ingkar dan mati mereka itu dalam keingkarannya, maka tidak akan diterima dari salah seorang mereka itu (walaupun) sepenuh bumi emas akan jadi tebusannya, bagi mereka azab yang pedih, dan tidak ada bagi mereka orang-orang boleh menolong.”

Pada zaman Nabi waktu kaum Muslimin sedang menghadapi perjuangan yang sangat hebat, iaitu waktu perselisihan Hudaibiyah yang terkenal, ada pun terdapat kaum yang tidak suka berjuang, tetapi mahu turut mengecap hasilnya, mahu nangkanya, tetapi tak mahu kena getahnya. Ketika diajak untuk turut beramal dan berjuang bersama-sama, mereka mencari-cari dalih dan helah supaya tidak turut, mereka yang tidak turut mengambil bahagian itu ialah orang-orang Arab dari golongan Bani Aslam, Bani Ghafār, Huhainah dan lain-lain. Perihal mereka itu diterangkan dengan tegas oleh Allah *subḥānahu wa Ta'ālā* dalam surah *al-Fath* ayat 11-12 iaitu: *sayaqūlu laka al-mukhallafūna min al-a'rābi shaghalatnā 'amwālunā wa ahlunā fāstaghfir lanā, yaqūlūna bi'alsinatihim mā laysa fi qulubihim, qul faman yamliku lakum min Allāhi shay'an, in arādabikum ḍarrān aw arāada bikum naf'ā, bal kāna Allāhu bima ta'malūna*

khabīrā. Bal zanantum an-lan yanqaliba al-rasūlu wa al-mu'minūna 'ilā ahlihim abadan wa zuyyina dhālika fī qulūbikum wa zanantum ḡabba al-saw'i wa kuntum qawmān būrā.

Ertinya: “Akan berkata kepadamu (Hai Muhammad) mereka yang tidak turut mengambil bahagian dari bangsa Arab, (kata mereka) kami disibukkan oleh harta benda dan keluarga kami, maka tolonglah mintakan kami ampun, mereka mengatakan dengan lidahnya apa yang tidak dalam hatinya, katakanlah (Hai Muhammad) maka siapakah yang dapat menghalangimu dari Allah akan apa-apanya, jika dia menghendaki kemudharatan kepadamu atau manfaat? Tetapi adalah Allah membalasi apa-apa yang kamu perbuat. Tetapi (sebenarnya) kamu mengira bahawa Rasul dan orang-orang mukmin tidak akan pulang kembali kepada keluarga mereka selama-lamanya dan yang demikian itu dibayangkan oleh syaitan ke dalam hatimu, dan kamu mengira dengan kiraan yang salah dan adalah kamu kaum yang celaka.”

Akan tetapi apabila mereka melihat Nabi dan mujahidin muslimin mendapat kemenangan dalam perjuangan, yang berupa harta benda iaitu kemenangan di Khaibar, maka mereka tidak hendak ketinggalan, sebab sudah terang ada hasil yang akan didapati seperti yang diterangkan oleh firman Allāh dalam surah *al-fath* ayat 15 iaitu: *sayaqūlu al-mukhallafūna idhā antalaqtum ilā maghānima lita'hudhu hāzarūna nattabi'ukum, Yurīdūna an yubaddilū kalāma Allāh, qul lan tattabi'ūnā kadhālikum qāla Allāhu min qablu, fasayaqūluna bal taḥsudunana, bal kānu lāyafqahūna illā qalīla*. Ertinya: “Akan berkata mereka yang tidak turut mengambil bahagian itu, jika kamu pergi untuk mengambil harta-harta rampasan, maka biarlah kami ikut bersama dengan kamu! Mereka hendak menukar-nukar perkataan, katakanlah (Hai Muhammad): Kamu tidak akan boleh mengikut kami, begitulah Allah berkata semenjak dari sebelum ini, maka mereka akan berkata: Tetapi kamu merasa dengki kepada kami, tetapi sebenarnya mereka itu

tidak ada yang mengerti kecuali sedikit.”

Jadi Allah Yang Maha Adil telah menetapkan ada amal ada pahala, amal satu orang, tidak akan diterima pahalanya oleh orang lain, dan waktu untuk melakukan amal itu hanya sementara hidup di dunia, dan apabila sudah mati tidak ada lagi sama sekali.

Akan tetapi dalam hal ini ada yang dikecualikan, iaitu jasa sepeninggalannya berjalan manfaatnya (sedekah jariah), ilmu yang memberi manfaat dan memimpin manusia kepada yang diredhai Allah dan anak salih yang mendoakan ibu bapanya. Menurut sabda Nabi (SAW): *idhā māta ibnu ādama inqata ‘a ‘anhu ‘amalahu illā min thulatha: sadaqatun jāriyah, wa ‘ilmu yantafa ‘u bihi, wa ibnu ṣālihin yad ‘ulahu*. Ertinya: Apabila mati seorang anak Adam putuslah daripadanya segala amalnya, kecuali dari tiga perkara: (1) sedekah jariah, (2) ilmu yang berguna, (3) anak salih yang mendoakan baginya sesudah ia mati. Maksud hadis ini bahawa amalan si mati itu tidak akan bertambah, kecuali dengan tiga yang disebutkan itu, kerana perkara-perkara itu adalah dari usahanya sendiri pada waktu hidupnya. Dan firman Allah Surah *al-Najm* ayat 39: *wa an laisa li al-insāni illā mā sa ‘ā*. : “Dan sesungguhnya manusia tidak akan dapat kebaikan, melainkan dari apa ia kerjakan sendiri.” Dan firman Allah: *fa al-yawma lā tuẓlamu nafsun shai ‘an wa lā tujauna illā mā kuntum ta ‘lamūn*. Ertinya: “Maka pada hari kiamat ini, tidaklah seorang akan dianiaya sedikit jua pun, dan tidak dibalas akan kamu, kecuali apa yang kamu kerjakan” (*Yāsin*, 45). Maksud ayat ini menyatakan dengan terang bahawa pada hari kiamat itu, tidaklah akan dianiaya, dan manusia itu tidaklah akan dapat upah pahala kebaikan melainkan dari apa yang diusahakannya di dunia ini, usaha orang lain seperti membaca Quran, zikir dan tahlil sedekah atau kenduri kendara dan sebagainya itu, tidaklah si mati itu akan dapat pahala dan

memberi guna kepadanya. Tambahan pula pahalanya yang hendak dihadiahkan kepada si mati itu belum pun lagi dimiliki oleh orang itu sendiri, dan masih di sisi Tuhan belum tentu mendapat pahala atau tidaknya, bagaimana pula boleh dihadiahkan kepada orang lain. Hanya seorang itu wajib ia mengerjakan amal ibadatnya mengikut dan taat akan titah perintah Allah dan Rasulnya. Kalau sekiranya amalan-amalan itu daripada bacaan dan zikir, sedekah dan kenduri sampai pahalanya kepada si mati tentulah dikerjakan oleh Nabi (SAW) atau oleh sahabat-sahabatnya dan tentulah ada diriwayatkan daripadanya, pada hal satu patah kalimah pun tidak menunjukkan kepada yang demikian itu, juga kalau pahala boleh dihadiahkan, mengapa tidak dihadiahkan pahala kepada si hidup, dan dijualkan pahala kepada si kaya, dan orang kaya tak usah buat amal ibadat, beli sahaja pahala-pahala itu dari si fakir miskin, maka ini sudah tentu memberi peluang besar kepada seorang itu boleh meninggalkan kewajipan agama, kerana cukuplah baginya membeli pahala dari amalan orang lain. Kiranya pahala boleh dihadiahkan maka dosa juga boleh dihadiahkan, dan seseorang yang membuat salah atau dosa, boleh sahaja dihadiahkan dosanya kepada orang lain, pada hal Allah berfirman: *walā taziru wāziratun wizra uhra*. (dosa kesalahan seseorang itu tidak sampai dosanya kepada orang lain). Imam Al-Shāfi‘e Rahimahu Allāh sendiri mengatakan: bahawa amalan dan pahala-pahala bacaan yang dikerjakan oleh seseorang itu tidak boleh sampai dan tidak memberi guna kepada seseorang yang telah mati. Ingat dan insafilah wahai Ikhwanul Muslimin.

Menungkanlah firman Allāh Ta’ālā tentang soal ini: *wattaqū yawman la tajzī nafsun ‘an nafsin shai ‘an wa lā yuqbalu minhā shafā ‘atun wa lā yu ‘ahizu minhā ‘adalīn walāhum yunṣarūn*. Ertinya: “Hendaklah kamu takut akan satu hari yang

di dalamnya seorang pun tidak akan dapat melepaskan suatu apa dari seseorang, dan tidak akan diterima permohonan dari seseorang, dan tidak akan diterima penebusan dari seseorang, dan mereka itu tidak akan ditolong.”

Bagaimana hukum berzikir bertahlil dan yang dikatakan kenduri arwah di rumah ahli mayat pada hari pertama, ketiga ketujuh dan keempat belas, atau empat puluh, dan seterusnya?

Berzikir atau bertahlil itu maksudnya di sini ialah membaca *lā ilāha illā Allāh*, bacaan itu sangat baik, tetapi tidak selamanya barang baik itu menjadi baik apabila dikerjakan bukan pada tempatnya. Sembahyang itu baik, tetapi jikalau dikerjakan bukan pada masanya yang ditentukan, nescaya menjadi tidak baik. Adapun berzikir, bertahlil di rumah orang mati yang disebut orang kenduri arwah itu, Nabi (SAW) dan sahabat-sahabatnya tak pernah menjalankannya atau memerintah supaya dikerjakannya. Hal ini tidak ada khilafnya di antara sekalian ulama ahli *al-fiqah* yang masyhur, lebih-lebih lagi Imam-Imam yang empat. Tersebut dalam *I‘ānat al-zālimīn*, juzuk yang kedua, muka 145-146, fatwa dari mufti-mufti empat mazhab di Mekah, pada masa Ibnu Sa‘ud belum masuk memerintahnya, katanya: *Na‘am! Mā yaf‘allahu al-nās min al-ijtimā‘i ‘indā hal al-mayti wa san‘u al-ṭa‘āmu min al-bad‘u al-munkirat allati yusābu ‘alā man ‘ahā wa tilā al-amr*, Ertinya: Ya! Sesungguhnya barang yang diperbuat orang, iaitu berkumpul di rumah-rumah ahli mayat dan memberi makan (yang dinamakan kenduri arwah) adalah daripada bid‘ah munkar (yang terlarang) yang diberi pahala kepada ketua negeri atas menegahinya” ... *walā shakka anna man‘u al-nāsa min hadhihi al-bid‘ata al-munkirati fhi ihyā‘u lil sunnati wa imāṭatu lil bid‘ati wa fathun likathīrun min abwābun al-khairu wa ghalaqa likathīrun min abwābun al-sharrun*. Ertinya: Tidak syak lagi, bahawa menegah manusia daripada bidaah munkar ini,

menghidupkan sunnah dan mematikan bidaah, dan membuka beberapa pintu kebaikan dan menutup beberapa pintu kejahatan.’

Dengan yang demikian juga difatwakan oleh mufti Hanafi, mufti Maliki dan Mufti Hanbali, yakni mereka semua bersetuju atas melarang kan perkara-perjara yang masuk bilangan bid‘ah yang munkar itu pada sisi agama.

Maka dengan keterangan ini menunjukkan bahawa berzikir dengan cara yang tersebut itu adalah bidaah belaka, mengerjakan kenduri arwah untuk menghadiahkan pahala bagi si mati sebagaimana yang biasa berlaku di tanah air kita ini, hukumnya bidaah sebab tidak ada satu perintah pun dari agama, dan tidak ada contoh dari Nabi dan sahabat-sahabatnya, dan Nabi pun dengan tegasnya ada melarang dengan sabdanya: *man ‘amala ‘amalan laisa ‘alayhi ‘amrinā fahuwa raddu*: Hadis sahih riwayat *al-Buḥārī* dan Muslim. Ertinya: Sesiapa yang mengerjakan amalan tidak ada padanya suruhan kami adalah ditolak dan tiada diterima daripadanya.

Dan bidaah yang tersebut itu bukan sahaja dilarang oleh agama daripada mengerjakannya, tetapi akibat dan padahnya buruk dalam masyarakat kita, terutama dalam urusan iqtisad, seringkali atau kerap kali merosakkan bagi orang yang tiada mampu, kadang-kadang terpaksa menjual baang-barangnya atau menggadaikannya atau meminjam wang untuk melakukan kenduri selamat bagi arwah yang telah mati, sehingga dengan hal ini mereka harus menjadi bertambah-tambah susah dan bertambah miskin. Kebanyakan orang-orang yang suka membuat seperti ini, biasanya mereka sendiri tiada pernah mengerjakan sembahyang, tiada berpuasa dan tiada hadir ke jemaah dan menunaikan perintah-perintah Allah yang disuruhnya. Mereka sangka cukuplah kalau menjadi seseorang Islam dengan berkhatan, bernikah kahwin, baca doa selamat, berkhatam Quran, bertalqin selepas mati, membuat fidyah sembahyang dan puasa dan membuat kenduri hadiah bagi si mati dari orang-orang yang hidup.

Sesungguhnya menurut fikiran yang waras bahawa ahli mayat yang telah ditimpa kematian, orang yang seperti ini biasanya menanggung susah dan tinggal dalam kemasygulan. Menurut akal fikiran yang disetujui oleh agama. Bahawa orang yang susah itu tidak boleh dibuat menambah kesusahannya lagi. Dari kerana itu Nabi (SAW) menyuruh supaya ahli *al-bait* itu diberi makan yang cukup oleh teman rakan dan jiran sekampung.

Qāla Abd Allāh bin Ja'far, *limā jā'a na'ya Ja'far hūna qatal, qāla al nabiyy (SAW): Isna'ū li al Ja'far ta'āman faqad ātāhum mā yashgaluhum*". (Hadis sahih riwayat Ahmad wa Abū Dāud wa al Tirmizi wa ibnu Mājah wa al Shāfi'i). Ertinya: "Telah berkata Abdullah bin Ja'far: Pada ketika tersiar khabar terbunuhnya Ja'far, bersabda Nabi (SAW): "Hendaklah kamu buat makanan untuk ahli rumah Ja'far, kerana

mereka itu telah ditimpa perkara yang menyusahkan mereka."

Hadis ini menunjukkan bahawa menurut sunnah, hendaklah *ahli al-mayyit* itu diberi makanan, bukan mereka memberi makanan sebagaimana keadaan yang berlaku sekarang ini.

Ada pun orang-orang yang bersama makan di rumah *ahli al-mayyit*, hukumnya sebagai yang tersebut di bawah ini: *Qalā Jarir bin Abd Allāh al Bujalī: Kanā na'du illā ijtīmā'i ilā ahli al-mayyit wa šan'atu al-ta'āmu ba'da dafnahu min al-niyāhah. (Hadith Sahih rawāhu Abd Allāh al Bujalī. Adalah kami sekalian sahabat berpendapat bahawa, berkumpul di rumah ahli al-mayyit, dan membuat makanan sesudah di tanam mayat itu masuk bilangan ratap meratap."*

Rawā an Jarīran wa'fda 'alā Umar, faqāla: Hal yanāhu 'alā mayyitakum? Qalā lā, qāla wahal yajtami'ahūna 'inda ahli al-mayyit wa yaj'alūna al-ta'ām? Qāla na'am: Qāla dhalika an nūh,



Suatu pemandangan dalam mesyuarat agung Persatuan Wartawan Melayu Singapura yang telah bersidang pada 2 Jun yang lalu.

dengan membanyakkan amal selagi kita hidup, kerana masa hidup sahajalah tempat untuk tiap-tiap kita beramal, amal orang lain untuk kita sesudah kita mati tidak akan sampai kepada kita, siapakah yang akan menyampaikannya, mana posmen yang akan membawanya? Kecuali tiga perlara yang diterangkan oleh Nabi (SAW): sedekah jariah, ilmu yang berguna dan anak salih yang mendoakan, dan ketiga-tiga macam itu sebenarnya adalah hasil usaha kita semasa hidup bukan amal orang lain yang akan kita peroleh pahalanya, amal orang yang masih hidup untuk mereka, orang mati tidak dapat beramal lagi, oleh itu beramallah bekerjalah, beribadatlah, utamakanlah yang wajib, dan juga yang sunat-sunatnya, laksanakanlah amal-amal salih, bangunlah kembali rohani yang sudah hancur luluh itu bersama-sama dengan pembangunan lahir supaya masyarakat kita jangan jadi pincang, kembalilah kepada ajaran-ajaran dan petunjuk-petunjuk Tuhan. Jangan agama hanya ibarat sisa-sisa yang dijadikan bagi permainan yang boleh diringan-ringankan sahaja.

Sebahagian dari anggota-anggota Ikhwan di Kota Bharu Kelantan yang berjaya mendirikan "Usahasama" sebuah badan kebajikan. Duduk dari kanan: Saudara Hajj Riḍwan Yang Di Pertua. Kiriman Jamhari Haj Yusuf (Ikhwan:945).

(almaghñīy li ibn qadāmah). Ertinya: "Telah diriwayatkan, bahawa Jarir pernah datang kepada Umar, lalu Umar bertanya, adakah diratapkan atas mayat kaum kamu? Ia menjawab: Tidak. Lalu bertanya pula: Adakah orang-orang berkumpul di rumah *ahli al-mayyit* dan membuat makanan? Ia menjawab: Ya, maka berkata Umar: Yang demikian itu ialah ratapan."

Telah terbukti dari riwayat ini, bahawa sekalian sahabat telah muafakat atas melarang orang-orang berkumpul dan makan di rumah orang mati, bahkan keadaan yang demikian itu dinamakan oleh mereka ratap sedang ratap meratap di rumah orang mati itu hukumnya haram. Al hasil menurut hadis, dan perkataan itu bahawa berkumpul-kumpul di rumah *ahli al-mayyit* dan mereka membuat makanan untuk orang-orang yang datang itu, dianggap suatu ratapan yang diharamkan oleh Sahabat dan Tabi'in. Oleh itu bahawa membuat kenduri bagi si mati yang dikatakan orang sebelah negeri ini, malam satu, dua, tiga, tujuh, empat puluh, seratus hari, dan lain-lainnya adalah masuk dalam ratapan yang diharamkan oleh Nabi sendiri.

Jadi oleh sebab itu syariat memerintah kepada kita

Sudahkah tuan berlanggan dengan majalah

QALAM

berdasarkan *al-Qur'an* dan *al-Hadith al-Sharīf*

kalau belum, berlangganlah sekarang juga

Harga langganan:

6 Bulan \$4.20

12 bulan \$8.40

Termasuk belanja pos.

Langganan sekurangnya 6 bulan.

Alamatkan kepada:

QALAM

356 & 358, Geylang Rd.,

Singapore-14.